



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND
COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



PERKEMBANGAN PERSATUAN MELAYU DI NEGERI-NEGERI
MELAYU BERSEKUTU SEBELUM PERANG DUNIA KEDUA

*THE DEVELOPMENT OF MALAY ASSOCIATIONS IN FEDERATED MALAY
STATES BEFORE THE SECOND WORLD WAR*

Faezah Kassim^{1*}, Mohd Rahimi Ramli², Noor Ain Mat Noor³

- ¹ Akademi Pengajian melayu, Universiti Malaya, Malaysia
Email: faezhassim@um.edu.my
² Pusat Sains Kemanusaa, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia
Email: mohdrahimi@umpsa.edu.my
³ Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Malaysia
Email: noorain277@um.edu.my
* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.10.2025
Revised date: 12.11.2025
Accepted date: 18.12.2015
Published date: 29.12.2025

To cite this document:

Kassim, F., Ramli, M. R., & Mat Noor, N. A. (2025). Perkembangan Persatuan Melayu Di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Sebelum Perang Dunia Kedua. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (42), 317-332.

DOI: 10.35631/IJLGC.1042022

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini adalah mengenai perkembangan persatuan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Tempoh antara tahun 1896, iaitu dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) hingga tahun 1941 didapati bentuk masyarakat majmuk semakin ketara dan membesar. Salah satu kegiatan penting dan signifikan yang dilakukan oleh masyarakat di NNMB adalah menubuhkan persatuan berasaskan kaum terutamanya dalam kalangan orang Cina. Ini memberi kesan kepada orang Melayu kerana timbul kesedaran untuk menubuhkan persatuan seumpamanya. Sehubungan itu, satu kajian bagi memahami perkembangan awal persatuan Melayu perlu dilakukan dengan mengenal pasti faktor penubuhan dan menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh persatuan orang Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif bertema (*thematic qualitative analysis*) bagi meneliti perkembangan persatuan Melayu secara mendalam. Penelitian adalah berdasarkan kepada sumber primer dan sekunder. Sumber primer terdiri dari dokumen rasmi, surat rasmi dan akhbar. Sumber sekunder adalah dari buku dan jurnal. Kajian ini mendapati bahawa faktor pendidikan, peranan akhbar, agama Islam dan tindakan pemerintah Inggeris telah menggerakkan dan mendorong orang Melayu menubuhkan persatuan. Walaupun orang Melayu merupakan penduduk asal namun mereka tetap berhadapan dengan cabaran dalam berpersatuan, iaitu sikap orang Melayu yang terdiri daripada golongan elit Melayu tidak mahu menunjukkan penentangan mereka terhadap pemerintah. Perpecahan dalam kalangan orang Melayu juga memberi kesan kepada penyatuan antaranya ialah

sikap kenegerian, perbezaan aliran pendidikan dan darah keturunan. Terdapat juga orang Melayu yang masih tidak menyedari perlunya untuk menjaga kepentingan kaum mereka kerana dikatakan terlalu gemar berhibur dan berseronok. Kajian mengenai perkembangan persatuan Melayu sebelum Perang Dunia Kedua adalah penting untuk mengenal pasti asas sebenar kebangkitan nasionalisme dan pembinaan identiti bangsa di Tanah Melayu.

Kata Kunci:

Persatuan Melayu, NNMB, Faktor, Cabaran

Abstract:

This study examines the development of Malay associations before the Second World War. The period between 1896, marked by the formation of the Federated Malay States (FMS), and 1941 saw an increasingly evident and expanding plural society. One of the most significant activities among the communities in the FMS was the establishment of ethnic-based associations, particularly among the Chinese. This, in turn, influenced the Malays to develop a similar awareness and motivation to form their own associations. Accordingly, this research seeks to understand the early development of Malay associations by identifying the factors behind their establishment and explaining the challenges they faced. The study employs a qualitative thematic analysis approach based on both primary and secondary sources. Primary sources include official documents, correspondence, and newspapers, while secondary sources consist of books and academic journals. The study finds that education, the role of the press, Islam, and British colonial policies were among the main driving forces that encouraged Malays to establish associations. Although the Malays were the indigenous population, they nevertheless faced challenges in organizing themselves, notably the reluctance of the Malay elite to show open resistance to the colonial government. Internal division among the Malays, such as parochial loyalty, differences in education, and lineage distinctions, further hindered unity. Some Malays were also unaware of the need to safeguard their communal interests, as they were said to be overly fond of leisure and entertainment. Research on the development of Malay associations before the Second World War is crucial in identifying the fundamental basis of Malay nationalism and the formation of national identity in British Malaya.

Keywords:

Malay Association, FMS, Factors, Challenges

Pengenalan

Setiap masyarakat memerlukan organisasi yang berstruktur bagi memperkukuh status, mempertahankan nilai budaya dan memupuk semangat nasionalisme. Melalui organisasi sedemikian, elemen warisan dapat dikekalkan, disesuaikan dengan perubahan zaman dan disalurkan kepada generasi pewaris. Dalam kerangka ini, penubuhan persatuan bukan sekadar bertujuan pentadbiran atau kebajikan tetapi merupakan mekanisme sosial yang berfungsi mengekalkan kesinambungan identiti, nilai dan cita-cita masyarakat tersebut.

Menjelang dekad 1920an hingga 1930an, masyarakat Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) yang terdiri daripada Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan mula menyedari perubahan sosial, ekonomi dan politik akibat dasar penjajah Inggeris. Penjajahan membawa masuk dasar ekonomi dualistik, migrasi besar-besaran buruh asing dan sistem

pentadbiran yang meletakkan orang Melayu dalam kedudukan marginal dari segi pendidikan dan ekonomi (Abdul Muqit et al., 2022; Hasnah, 2024). Dalam suasana inilah muncul pelbagai persatuan Melayu awal antaranya Persatuan Melayu Selangor (1938) dan Persatuan Melayu Perak (1937) (Roff, 1968; Ahmad, 2024). Walau bagaimanapun, perkembangan dan peranan persatuan-persatuan ini masih kurang diberi penekanan dalam kajian berbanding dengan gerakan nasionalisme selepas Perang Dunia Kedua kerana ketidakjelasan matlamat penubuhan dan perjuangannya dalam tempoh 1896 hingga 1941 (Malhi, 2021; Wong, 2023).

Walaupun sejarah kebangkitan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu sering dikaitkan dengan tempoh selepas Perang Dunia Kedua, asas pergerakan politik dan kesedaran kebangsaan sebenarnya telah mula berkembang lebih awal melalui penubuhan pelbagai persatuan Melayu di NNMB (Roff, 1968; Malhi, 2021). Penubuhan persatuan di peringkat awal perkembangan memperlihatkan asas mempertahankan kepentingan dan kedudukan orang Melayu untuk membina identiti kaum yang diwarisi, di situlah terdapatnya bibit-bibit kesedaran untuk bersatu dalam memperjuangkan kepentingan dan matlamat bersama.

Kajian ini adalah bertitik tolak daripada persoalan bahawa walaupun persatuan-persatuan Melayu awal di NNMB menjadi asas kepada pembentukan kesedaran kebangsaan Melayu, aspek sejarah penubuhan, faktor penggerak dan cabaran yang mereka hadapi masih kurang diteliti secara mendalam (Abdul Muqit et al., 2022; Malhi, 2021). Kekurangan ini perlu diatasi dengan memahami lebih tepat evolusi gerakan sosial dan politik Melayu sebelum kemunculan nasionalisme arus perdana selepas Perang Dunia Kedua (Roff, 1968; Wong, 2023). Oleh sebab itu, kajian ini berusaha menelusuri sejarah dan konteks perkembangan persatuan-persatuan Melayu di NNMB sebelum Perang Dunia Kedua dengan memberi tumpuan kepada perkembangan awal, faktor penubuhan dan cabaran yang mereka hadapi dalam kerangka sosio-politik kolonial (Ahmad, 2024; Hasnah, 2024; Abdul Muqit et al., 2022; Malhi, 2021). Pemilihan tempoh kajian sebelum Perang Dunia Kedua adalah disebabkan pada ketika itu pembentukan masyarakat majmuk semakin membesar dan seiring dengan ini semakin giat tumbuhnya persatuan-persatuan mewakili kaum di NNMB yang memperjuangkan kepentingan masing-masing termasuklah persatuan orang Melayu.

Kerangka Teori dan Konseptual

Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan sejarah dan sosiologi bagi menjelaskan perkembangan awal persatuan Melayu di NNMB sebelum Perang Dunia Kedua. Kerangka teori ini berasaskan *imagined community* oleh Anderson (1983) dan dua peringkat teori, iaitu teori umum organisasi dan fungsi sosial persatuan dalam konteks kolonialisme Inggeris serta kesedaran identiti Melayu. Kedua-dua peringkat teori ini membentuk asas kepada analisis tentang faktor penubuhan, bentuk perjuangan dan cabaran yang dihadapi oleh persatuan Melayu di NNMB.

Kerangka pembentukan nasionalisme yang dikemukakan oleh Benedict Anderson (1983) melalui konsep *imagined communities* menjelaskan bahawa bangsa terbentuk melalui proses sosial dan budaya. Keadaan ini membolehkan individu membayangkan diri mereka sebagai sebahagian daripada suatu komuniti politik yang lebih luas, walaupun tidak saling mengenali secara langsung. Dalam kajian ini, penubuhan persatuan dalam kalangan orang Melayu menjadi peluang dan ruang bagi mereka membentuk *imagined community* (Anderson, 1983) yang memungkinkan rasa kebangsaan Melayu terbentuk secara kolektif.

Beberapa sarjana klasik dan moden telah mengemukakan pandangan tentang konsep dan fungsi organisasi dalam masyarakat. Parsons (1960) mendefinisikan organisasi sebagai *“a social system which is deliberately constructed and reconstructed to seek specific goals or values”*, iaitu satu sistem sosial yang dibina secara sengaja untuk mencapai matlamat tertentu. Pandangan ini menekankan organisasi sebagai alat sosial yang terancang bagi memenuhi keperluan kolektif dan mencapai nilai bersama.

Strati (2000) pula menjelaskan bahawa organisasi ialah suatu entiti yang berkaitan dengan fungsi penyampaian, pembahagian tugas dan penyatuan manusia dalam satu kelompok sosial yang dicipta. Beliau menekankan dua aspek utama organisasi. Pertama, fungsi sebagai organ fizikal untuk melaksanakan tugas dan kedua, peranan sosial untuk mencapai objektif yang ditentukan. Menurut Kailasan (2015), kajian terhadap organisasi perlu meneliti tujuan penubuhan persatuan, termasuk perkara yang diperjuangkan, pendirian terhadap isu masyarakat serta kepentingan sosial yang menjadi tumpuan. Phillips (1969) menambah bahawa matlamat organisasi bukanlah sesuatu yang tetap tetapi boleh berubah berdasarkan interaksi antara ahli dengan persekitaran. Perubahan matlamat ini juga mengubah norma, struktur dan corak interaksi sosial dalam organisasi tersebut. Berdasarkan teori-teori ini, dapat dirumuskan bahawa organisasi atau persatuan merupakan mekanisme sosial dinamik yang muncul sebagai tindak balas terhadap perubahan persekitaran. Dalam konteks masyarakat Melayu, penubuhan persatuan dapat difahami sebagai usaha kolektif untuk menyesuaikan diri dengan struktur kolonial yang baru serta mempertahankan nilai-nilai sosial, agama dan budaya yang dianggap terancam.

Kajian ini turut meneliti interaksi antara struktur kolonial Inggeris dan agensi sosial masyarakat Melayu. Menurut Abdul Muqit et al. (2022), dasar ekonomi dualistik Inggeris mewujudkan ketidakseimbangan sosial yang ketara antara kaum di Tanah Melayu. Dalam sistem tersebut, masyarakat Melayu terperangkap dalam sektor pertanian tradisional, manakala kaum lain menguasai sektor ekonomi moden seperti perlombongan dan perdagangan. Hasnah (2024) pula menegaskan bahawa siri perjanjian antara Inggeris dengan kerajaan negeri-negeri Melayu memperkukuh dominasi penjajah terhadap pentadbiran tempatan dan menghadkan kuasa politik orang Melayu. Struktur kolonial ini melahirkan “psike keterancaman Melayu” iaitu satu bentuk kesedaran kolektif bahawa kedudukan ekonomi, politik dan budaya orang Melayu semakin terhakis (Abdul Muqit et al., 2022). Keterancaman ini mendorong munculnya kesedaran untuk mewujudkan wadah organisasi bagi mempertahankan kepentingan bangsa, agama dan tanah air. Wong (2023) menjelaskan bahawa ideologi etnonasionalisme Melayu terbina daripada pengalaman kolonial yang menanam semangat mempertahankan identiti Melayu-Islam. Maka, dalam konteks ini, keterancaman Melayu berfungsi sebagai faktor dalaman (agensi) manakala struktur kolonial menjadi faktor luaran (struktur) yang mendorong pembentukan persatuan sebagai alat mobilisasi sosial.

Aplikasi teori organisasi dan sosiologi kolonial ini dapat dilihat melalui kemunculan beberapa persatuan Melayu di negeri-negeri bersekutu antaranya Persatuan Melayu Perak (1937), Persatuan Melayu Selangor (1938), Persatuan Melayu Pahang (1938) dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan (1939). Roff (1968) menyifatkan persatuan-persatuan ini sebagai “organisasi peralihan” yang menghubungkan struktur sosial tradisional dengan bentuk politik moden. Menurut Malhi (2021), walaupun persatuan-persatuan ini belum secara terbuka menuntut kemerdekaan, mereka telah membina jaringan komunikasi dan ideologi politik yang menjadi asas kepada gerakan nasionalisme selepas perang. Ahmad Abu Talib (2024) pula menekankan

bahawa tokoh-tokoh tempatan memainkan peranan penting dalam mempertahankan kepentingan negeri dan bangsa melalui wadah persatuan, khususnya dalam konteks negeri seperti Pahang. Antara faktor penubuhan utama ialah kesedaran terhadap kemunduran orang Melayu, keinginan mempertahankan Islam dan adat, serta kesedaran politik hasil pendedahan kepada media seperti *Majlis* dan *Warta Malaya*. Walau bagaimanapun, gerakan ini juga berdepan cabaran termasuk kekangan kuasa kolonial, kekurangan sumber kewangan dan konflik antara elit birokrat dengan pemimpin akar umbi (Malhi, 2021; Wong, 2023).

Secara keseluruhannya, teori *imagined community* (Anderson, 1983), organisasi yang menekankan tujuan, struktur dan fungsi sosial (Parsons, 1960; Strati, 2000; Kailasan, 2015) apabila digabungkan dengan kerangka sejarah kolonialisme (Abdul Muqit et al., 2022; Hasnah, 2024; Roff, 1968; Malhi, 2021) menjelaskan bahawa perkembangan persatuan Melayu bukan hanya fenomena sejarah tetapi juga manifestasi kesedaran sosial terhadap perubahan struktur kuasa.

Sorotan Literatur

Kajian terhadap perkembangan persatuan yang mengkhusus kepada kaum boleh dilihat antaranya ialah tulisan Radin Soenarno (1960) yang menghuraikan tentang golongan yang memainkan peranan dalam perkembangan nasionalisme dan penubuhan persatuan. William R. Roff (2003) menekankan kepada perkembangan nasionalisme Melayu dan membincangkan peranan persatuan dalam membangkitkan semangat nasionalisme dengan isu-isu yang berlaku. Mohammad Redzuan Othman (2008) pula melihat bagaimana persatuan yang ditubuhkan oleh orang Melayu digunakan untuk menyampaikan suara hati atau hasrat orang Melayu kepada pemerintah.

Edwin Lee (1991) dan Thock Ker Pong (2007), menyentuh tentang penubuhan persatuan dialek kaum Cina dan bagaimana dialek mendorong orang Cina untuk mencari rakan-rakan yang mempunyai dialek dan tempat asal yang sama seterusnya membentuk persatuan. Peranan atau fungsi persatuan kaum Cina dibincang oleh Chee Liew Seong (1971). Persatuan atau *Huiguan* bertanggungjawab mengekalkan adat resam dan tradisi serta upacara keagamaan dalam kalangan penghijrah Cina. Adat dan amalan tradisi ini berkait rapat dengan ajaran Konfusius yang menegaskan tanggungjawab seorang anak kepada ibu bapa.

Kajian terhadap perkembangan persatuan kaum India yang dilakukan oleh Subramaniam (2014) pula melihat perkembangan persatuan era 1930an dipengaruhi oleh perkembangan nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan di India. Kesannya, perhatian dan tindakan pelbagai pertubuhan kaum India di Tanah Melayu termasuk pertubuhan agama Hindu telah terarah kepada semangat nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan negara India. Hal ini telah membolehkan pelbagai pertubuhan orang India di Tanah Melayu menjalin hubungan persahabatan sesama mereka dan meningkatkan kerjasama. Arasaratnam (1970) pula membincangkan peranan agama Hindu dalam menubuhkan persatuan di era 1900an. Kesedaran serta penghayatan ajaran agama Hindu di Tanah Melayu telah kelihatan dalam kalangan orang Tamil Sri Lanka, golongan Chettiar dan orang India yang berpendidikan. Kesedaran ini tercetus apabila golongan tersebut terlibat dalam aktiviti sosial dalam kelab rekreasi tertentu.

Berdasarkan kepada kajian lepas dapat disimpulkan bahawa persatuan ditubuhkan oleh sekumpulan anggota sesebuah masyarakat dengan mempunyai tujuan dan matlamat. Fungsi persatuan telah menjadikannya sebuah organisasi milik masyarakat yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam segala aspek kehidupan masyarakat tersebut. Sesungguhnya bagi memahami kehendak atau keinginan sesebuah komuniti serta mengetahui keadaan yang sebenar berlaku pada sesuatu tempoh, penelitian terhadap pertubuhan atau persatuan adalah perlu untuk dilakukan.

Metodologi Kajian

Pendekatan kajian kualitatif digunakan dalam kajian ini, iaitu dengan menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen dan menggunakan pendekatan analisis kualitatif mengikut tema sebagai reka bentuk kajian. Dalam kajian ini, pelbagai sumber primer dan sekunder telah diteliti bagi mendapatkan kefahaman yang lebih jelas berkaitan tajuk kajian. Sumber primer terdiri dari dokumen rasmi, surat rasmi dan akhbar. Laporan tahunan NNMB dan surat persendirian merupakan sumber primer. Sumber sekunder seperti buku, disertasi dan artikel jurnal telah digunakan dalam kajian untuk dianalisis. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis secara deskriptif.

Bibit-bibit Awal Gerakan Menyatukan Orang Melayu

Perkembangan awal persatuan orang Melayu dilihat berlaku pada penghujung abad ke-19 di kawasan bandar di Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Menjelang tahun 1910 didapati kelab dan persatuan bertambah jumlahnya di bandar dan di kampung. Persatuan yang paling banyak ditubuhkan adalah kelab sosial, olahraga dan bola sepak. Terdapat juga persatuan yang khusus untuk golongan tertentu seperti Kelab Kastam Zaria di Kuala Kangsar yang anggotanya terdiri daripada golongan Melayu aristokrat dan pegawai kerajaan. Penubuhan persatuan ini juga adalah untuk menjalankan aktiviti bola sepak, tenis, catur dan terup (Roff, 2003). Walaupun persatuan dan kelab ini ditubuhkan untuk aktiviti rekreasi tetapi ia menjadi tapak bagi permulaan orang Melayu untuk berkumpul atas minat, tujuan dan objektif yang sama. Perkara ini dinyatakan oleh Parsons (1960) bahawa persatuan adalah organisasi yang dibina secara terancang bagi memenuhi keperluan kolektif dan mencapai nilai bersama.

Namun, perkembangan awal ini walaupun hanya melibatkan aktiviti rekreasi dan hobi dalam penubuhan persatuan tetapi telah menyebabkan Inggeris mulai bimbang dengan sikap orang Melayu yang menunjukkan minat untuk bersatu. Sedangkan realitinya sehingga akhir tahun 1920-an masih belum memperlihatkan wujudnya elemen politik secara jelas dalam tujuan penubuhan persatuan orang Melayu (Khoo, 1991; Mohammad Redzuan, 2008). Kebimbangan pemerintah Inggeris tercetus kerana merasakan bahawa bibit-bibit dekolonisasi pemikiran mula tumbuh dalam kalangan orang Melayu.

Pada tahun 1906 hingga 1926, orang Melayu dipengaruhi oleh gerakan agama. Ketika itu, di Mesir dan Turki, gerakan reformis atas kesedaran nasionalisme sedang bangkit di negara-negara tersebut. Gerakan yang semakin berkembang itu mendorong pemikiran orang Melayu ke arah Pan-Islamik. Keadaan ini juga sedikit sebanyak mengubah fokus ketaatan orang Melayu seperti mana menurut Radin Soenarno (1960), iaitu "The Malay loyalty was temporarily transferred from the local Sultans to Islam". Dalam kalangan orang Melayu tidak terdapat sebarang pertubuhan ketika itu namun telah mula menunjukkan minat dalam politik tetapi hanya tertumpu kepada perkembangan politik yang berlaku di negara asing. Pada ketika

tersebut tidak banyak idea berpolitik di peringkat tempatan tersebar dalam kalangan orang Melayu namun mereka telah mula prihatin dengan persekitaran mereka. Antara isu yang sering diketengahkan adalah tentang penilaian terhadap kepercayaan dan amalan agama Islam (Soenarno, 1960).

Walau bagaimanapun, pada ketika itu tidak semua orang Melayu menyokong gerakan ini kerana terdapat kritikan terhadap golongan ini diluahkan secara terbuka oleh segelintir orang Melayu yang mahukan supaya kelas pemerintah dan rakyat menumpukan kepada perkembangan yang berlaku dalam negeri sahaja. Perkara ini dinyatakan di dalam akhbar Warta Malaya (5 Mac 1938),

“Dari waktu ini saya berharap kehadiran Sultan Melayu dan rakyat Melayu janganlah memikirkan negeri yang jauh daripadanya seperti Spain, Mesir, Habsyah dan lainnya sekalipun negeri itu teladan kepada Tanah Melayu kerana negeri2 itu tidak bersangkutan dengan Tanah Melayu. Dan berikhtiarlah kita bagaimana jalannya kita hendak menghalau balik bangsa asing ke negerinya. Bangsa2 kedua itu (Cina dan India) memang menjadi racun kepada bangsa Melayu. Apa tidak? Dan banyak perkara yang sudah dibongkarnya seperti Undang2 MCS dan lainnya kalau boleh ia hendak mencapainya hairan!”

Kesatuan Melayu Muda (KMM) adalah antara persatuan atau pertubuhan yang membuka keahlian kepada orang Melayu dengan latar belakang yang pelbagai. KMM ditubuhkan pada tahun 1937. KMM membawa kepada pembahagian aliran dalam perkembangan nasionalisme Melayu. Aliran perkembangan politik yang dimulakan KMM itu sering dianggap sebagai aliran politik kiri Melayu (Soenarno, 1960; Rustam, 2011). Perkembangan yang penting berlaku dalam tempoh ini adalah terdapat tanda untuk menubuhkan persatuan Melayu secara lebih meluas yang melampaui batas daerah dan negeri, dengan tujuan untuk menjaga kepentingan orang Melayu (Roff, 1968; Mohd. Kornain, 1980).

Gerakan persatuan sebelum Perang Dunia Kedua sebenarnya telah mempunyai elemen nasionalisme tetapi dengan cirinya yang tersendiri iaitu menampakkan kesan reaksi orang Melayu terhadap kebimbangan peningkatan jumlah imigran dan persaingan dari segi ekonomi (Rustam, 2011). “Kepentingan kebangsaan” sebagaimana yang diketengahkan oleh orang Melayu bukanlah bersifat seruan politik untuk menentang penjajahan. Terdapat orang Melayu sedar tentang perlunya menjaga hak mereka dan menentukan kepentingan Melayu mengikut contoh yang dijalankan dalam gerakan nasionalis Indonesia. Kumpulan paling radikal pada mulanya terdapat dalam kalangan penuntut Melayu di Kaherah (Roff, 2003).

Persatuan berasaskan negeri pada 1930-an adalah fenomena baharu dalam masyarakat Melayu. Sebelumnya tidak pernah ada percubaan untuk memobilisasi orang Melayu dalam organisasi politik yang tegas. Organisasi yang dimaksudkan menunjukkan bahawa tahap awal penubuhan organisasi politik moden dengan struktur, kepimpinan, jawatankuasa dan keahlian yang moden. Pemimpin organisasi terdiri daripada mereka yang berpendidikan moden atau barat. Golongan pimpinan baru ini mendapat pelajaran di sekolah Inggeris dan sekolah Melayu dan mereka mendesak ditubuhkan organisasi kaum tetapi dalam bentuk yang moden. Organisasi tersebut bertujuan untuk mencapai perpaduan, setia kawan dan hubungan sosial yang berdasarkan kepada kesatuan bahasa dan agama (Rustam, 2011). Pada tahun 1937, cawangan

KMS telah ditubuhkan di Melaka dan Pulau Pinang. Dua tahun kemudian, ditubuh pula di Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Province Wellesley (Soenarno, 1960).

Kesannya, kesedaran berpolitik dalam kalangan orang Melayu menunjukkan perubahan antara tahun 1937 dan 1939 kerana berlakunya pertambahan persatuan di seluruh negara. Persatuan Melayu Selangor (PMS) telah mengambil peluang untuk berganding bahu bergerak dalam lapangan politik dengan KMS. Kedua-dua persatuan telah bekerjasama dan mengadakan beberapa kali kongres Melayu. Kongres yang pertama kali diadakan pada tahun 1937 di Kuala Lumpur. Kongres yang kedua diadakan pada tahun 1938 di Singapura, kongres ketiga pada tahun 1939 di Kuala Lumpur dan kongres keempat pada tahun 1940 di Singapura (Abd. Aziz & Alias, 2004). Penubuhan persatuan Melayu ditafsirkan sebagai ruang simbolik yang menginstitusikan kesedaran awal yang dikongsi bersama dalam kalangan ahli persatuan. Hasrat secara kolektif diterjemahkan ke dalam bentuk organisasi sosial yang lebih tersusun, walaupun organisasi tersebut masih terikat dengan batasan kolonial (Anderson, 1983; Roff, 1968).

Pendidikan dan Aliran Perjuangan

Peningkatan orang Melayu yang menerima pendidikan formal telah menimbulkan keresahan kepada pentadbir Inggeris. Pesuruhjaya Tinggi, Sir Laurence Guillemard melaporkan kepada Pejabat Kolonial di London bahawa orang Melayu maju ke hadapan sejak beberapa tahun kebelakangan kerana mereka semakin berpendidikan (Khoo, 1991). Cendekiawan Melayu yang berpendidikan Melayu, Islam dan Inggeris menyuarakan “kepentingan kebangsaan”. Perkembangan ini mencetuskan kesedaran perlunya orang Melayu untuk bersatu melalui penubuhan persatuan dalam menyampaikan suara tersebut (Mohammad Redzuan, 2008). Kesan daripada pendidikan yang diterima oleh orang Melayu telah menyebabkan meningkatnya orang Melayu yang celik huruf. Mereka meminati bahan bacaan iaitu buku dan surat khabar. Sehingga pertengahan 1920-an, orang Melayu di bandar dan luar bandar yang terdiri daripada guru atau yang menerima pendidikan sekolah Melayu, agama dan Inggeris telah meningkatkan penggunaan bahan bacaan (Roff, 2003; Khoo, 1991). Ini membawa kepada perkembangan yang menarik kerana orang Melayu telah mula menubuhkan persatuan seperti *Malay Literary Society* yang ditubuhkan oleh Dato Abdul Razak, J. P bin Abdul Ghani pada 18 Mac 1924 (*Chinese Protectorate Annual Report*, 1924).

Aliran pendidikan yang diterima oleh orang Melayu telah membahagikan mereka kepada tiga golongan dengan perjuangan yang berbeza. Pertama, terdiri daripada pelajar yang tamat pengajian di madrasah dan pendidikan agama seperti Universiti Al-Azhar di Mesir. Terdapat dalam kalangan mereka yang berani dan terbuka dalam menuntut perubahan politik. Sifat seperti ini juga terdapat dalam golongan kedua iaitu mereka yang mendapat pendidikan aliran Melayu. Golongan ketiga adalah bersifat sederhana dalam berpolitik tetapi tetap mempertahankan hak Melayu daripada golongan imigran. Mereka ini mendapat pendidikan daripada aliran Inggeris (Jamilah, 1984). Secara keseluruhannya, Terdapat dua aliran perkembangan sikap politik Melayu iaitu yang cenderung ke kanan dipelopori oleh orang Melayu kelas pertengahan dan atasan yang berpendidikan Inggeris, dengan ideologi, ‘Malaya untuk orang Melayu’. Satu lagi aliran cenderung ke kiri yang menganjurkan tuntutan terhadap kebebasan semua rakyat yang tertindas di Tanah Melayu yang mana merupakan orang Melayu yang mendapat pendidikan Melayu (Soenarno, 1960; Rustam, 2011).

Kesedaran kebangsaan pada peringkat ini lebih tertumpu kepada perlindungan kepentingan, identiti dan solidariti komuniti, bukan kepada penentangan langsung terhadap penjajah. Ini selari dengan hujah Anderson (1983) bahawa bentuk nasionalisme bergantung kepada konteks sejarah dan struktur kuasa yang wujud. Dalam konteks masyarakat Melayu di NNMB sebelum Perang Dunia Kedua, pembentukan kesedaran kolektif ini berlaku secara berperingkat dan terhad iaitu selari dengan kekangan struktur kolonial. Pendidikan formal dan peningkatan celik huruf telah melahirkan kelompok Melayu terdidik yang lebih peka terhadap perubahan sosial. Kesan daripada ini juga seterusnya membolehkan mereka terlibat dalam wacana bersama melalui akhbar Melayu.

Peranan Media dan Kepentingan Melayu

Akhbar juga memainkan peranan melalui penulisan antaranya ialah seruan kepada orang Melayu berpendidikan untuk membangkitkan kesedaran tentang keutamaan menjaga ekonomi dan politik Melayu (Chenderamata, September 1932). Anderson (1983) memberi penekanannya terhadap peranan bahasa dan media cetak dalam pembentukan bangsa. Beliau menyatakan bahawa kemunculan akhbar, buku dan penerbitan membolehkan idea, pengalaman dan kebimbangan dikongsi secara meluas dalam kalangan penduduk yang sebelum itu terpisah secara geografi dan sosial.

Kemampuan orang Melayu dalam menganalisis dan menilai dapat dilihat melalui perbahasan mereka di dalam akhbar. Isu utama ialah kesan sesuatu dasar pihak pemerintah antaranya ialah dasar pemusatan pusat pentadbiran dan dasar pro-Melayu serta isu ketinggalan dari segi ekonomi. Dasar pemusatan pusat pentadbiran dan kebangkitan pengaruh golongan aristokrat Melayu di negeri-negeri Melayu menggalakkan cerdik pandai nasionalis Melayu menegakkan perjuangan mengekalkan warisan budaya (Silcock & Ungku Abdul Aziz, 1966). Semangat tersebut timbul kerana orang Melayu merasa tergugat apabila soal perombakan semula pemusatan pentadbiran telah mendapat kritikan daripada kaum Cina dan India. Semasa berlakunya kemelesetan ekonomi, orang Cina dan India telah meminta dan mendapat bantuan daripada British bagi mengatasi masalah kesukaran hidup serta tuntutan peranan lebih besar dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan (Roff, 2003). Isu-isu ini telah mendapat perhatian orang Melayu dan dibincangkan dengan meluas di dalam akhbar (Soenarno, 1960; Rustam, 2011).

Akhbar Melayu seperti Majlis, Warta Malaya dan Saudara berfungsi sebagai ruang wacana yang membincangkan isu pendidikan, ekonomi, agama dan kedudukan orang Melayu secara berulang. Walaupun pembaca akhbar ini tidak saling mengenali, mereka berkongsi pengalaman membaca isu yang sama. Seterusnya ia membentuk persepsi bahawa orang Melayu merupakan satu komuniti yang menghadapi cabaran dan nasib yang serupa. Keadaan ini sejajar dengan konsep *imagined community* yang diuraikan oleh Anderson (1983).

Pengaruh Agama Islam dan Reformisme

Tumpuan penulisan mengenai keagamaan di akhbar Melayu semakin berkembang dari segi jumlah. Akhbar-akhbar tersebut antaranya ialah Neracha, Warta Malaya, Al-Ikhwan dan Saudara. Penulisan mengenai ajaran Islam adalah bertujuan untuk menegur dan mencetuskan semangat bekerjasama dan bersatu dalam kalangan orang Melayu. Kebimbangan yang diketengahkan adalah mengenai sikap orang Melayu yang mengabaikan ajaran Islam. Ini merupakan punca yang melemahkan orang Melayu kerana tidak mengikut saranan mengamalkan sikap tolong menolong dan bekerjasama bagi memajukan diri (Soenarno, 1960).

Tolong menolong dan bekerjasama yang dimaksudkan di sini adalah orang Melayu perlu bersatu dan membantu antara satu sama lain untuk memajukan bangsa dalam ekonomi terutamanya.

Penyatuan orang Melayu atas dasar Islam telah diseru oleh Kaum Muda. Mereka tanpa berselindung menyalahkan golongan pemerintah dan ulama tradisional sebagai punca kemunduran orang Melayu dan menyeru supaya orang Melayu kembali kepada prinsip Islam yang sebenar iaitu berpandukan al-Quran dan Hadis (Hussin 1993; Abdul Muqit, 2022). Islam telah menyebabkan berlakunya penyatuan dalam kalangan penganutnya walaupun bukan daripada keturunan Melayu. Golongan Muslim bukan Melayu merupakan golongan yang mahukan orang Islam bersatu atas dasar agama. Penyatuan orang Islam atas dasar agama ini menjadi asas perjuangan mereka kerana golongan Muslim bukan Melayu kebanyakannya terdapat di Negeri-negeri Selat dan merupakan rakyat Inggeris (*The Straits Times*, 17 Ogos 1939). Golongan yang mengenengahkan kesedaran terhadap kerjasama dan kebersamaan ini kebanyakannya daripada kalangan orang Jawi Peranakan yang berpengetahuan Inggeris, bekerja dalam pentadbiran di bandar dan juga daripada orang Arab serta peniaga Melayu yang terlibat dalam saingan ekonomi Cina. Mereka tidak menyeru kepada kesetiaan perkauman tetapi kesetiaan kepada bahasa dan agama. Mereka juga adalah golongan yang terlebih dahulu sedar akan kedudukan kaum Melayu Islam yang ketinggalan dari segi ekonomi (Roff, 2003).

Persaingan Ekonomi dan Struktur Kolonial

Orang Melayu juga telah menyedari tindakan Inggeris yang mula menggalakkan golongan imigran untuk menetap dan menjadi sebahagian masyarakat di Tanah Melayu (Wang, 2001). Tindakan Inggeris yang dilihat memberi peluang kepada kaum bukan Melayu memasuki bidang pekerjaan yang sepatutnya dipelihara dan dikekalkan untuk orang Melayu membangkitkan kemarahan mereka. Antaranya ialah Inggeris membenarkan orang bukan Melayu memasuki bidang penanaman padi. Tindakan ini dilakukan oleh Inggeris bagi membolehkan golongan imigran mengusahakan tanaman padi bagi mengatasi masalah pengangguran ketika berlakunya kemelesetan ekonomi. Usaha tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu hingga mereka menyatakan tindakan tersebut adalah “giving Malaya away to the foreigner” (Daud, 1977). Hasnah (2024) menegaskan bahawa dominasi penjajah terhadap pentadbiran tempatan telah menghadkan kuasa politik orang Melayu. Kesannya struktur kolonial ini melahirkan “psike keterancaman Melayu” dan rasa terancam ditimbulkan oleh orang Melayu melalui persatuan.

Perubahan bentuk masyarakat yang ketara kemajmukannya dan persaingan ekonomi membawa kepada desakan hidup. Pemerintah Inggeris bimbang perubahan sikap orang Melayu akan menyebabkan berlakunya penentangan terhadap mereka. Perkara ini pernah disebut oleh pemerintah Inggeris pada tahun 1917 bahawa orang Melayu, “...does not up against *orang puteh* unless he is absolutely driven to it” (*F.M.S. Proceedings of Federal Council*, 1917). Menurut Abdul Muqit et al. (2022), dasar ekonomi dualistik Inggeris mewujudkan ketidakseimbangan sosial yang ketara antara kaum di Tanah Melayu. Malah, PMS pernah mengenengahkan isu tanah simpanan Melayu. PMS mengkritik orang Melayu seolah-olah dikurung dan hanya hidup dalam lingkungan tanah tersebut sahaja sedangkan kaum asing seperti binatang buas diberi kebebasan untuk mengaut keuntungan di tanah yang lebih luas. Kritikan yang dikemukakan oleh PMS tidak dipedulikan oleh pihak pemerintah. Selain itu, PMS juga pernah menuntut supaya Askar Melayu (*Malay Regiment*) diperbesar hingga kepada 10 batalion. Begitu juga desakan supaya Angkatan Udara dan Laut Tanah Melayu diwujudkan.

PMS juga menggalakkan kemasukan orang Indonesia tetapi pada masa yang sama mahu supaya kaum bukan Melayu disekat daripada memasuki Tanah Melayu (Abd. Aziz & Alias, 2004). Kebimbangan yang dinyatakan ini tidak menjadi satu isu besar dalam kalangan pegawai Inggeris seluruhnya kerana kesedaran orang Melayu pada peringkat ini hanyalah usaha untuk mengenengahkan kebimbangan mereka terhadap kaum lain yang semakin ketara dari segi jumlah dan menyuarakan tuntutan yang dilihat mampu mengugat kedudukan orang Melayu (Ishak, 2011).

Cabaran Persatuan Orang Melayu

Kawalan terhadap persatuan yang mempunyai elemen subversif dilakukan oleh Inggeris melalui Akta Pertubuhan tahun 1920. Orang Melayu melihat bagaimana pemerintah Inggeris bertindak terhadap kumpulan kongsi gelap dan gerakan yang bersifat politik dalam kalangan kaum Cina. Orang Melayu tidak mahu dilabel sebagai penentang pemerintah dengan tertakluk kepada Akta Pertubuhan tahun 1920. Inggeris berpendirian bahawa golongan Melayu yang tidak mengikut undang-undang yang dilaksanakan oleh mereka adalah penentang mereka. Akta ini bertujuan memastikan semua pertubuhan mesti berdaftar supaya mudah Inggeris mengawasi pergerakan, perancangan dan matlamat pertubuhan tersebut (Ishak, 2011). Akta ini bukan sahaja menyekat perkembangan persatuan orang Cina yang mempunyai elemen subversif tetapi juga telah memberi tekanan kepada persatuan orang Melayu. Orang Melayu yang tidak mahu berhadapan masalah yang lebih besar jika tidak mematuhi undang-undang pemerintah British telah menyebarkan fahaman dekolonisasi secara halus. Oleh sebab itu, sehingga pertengahan 1920an, persatuan masih lagi merupakan pertubuhan berasaskan aktiviti sosial, kebudayaan dan ekonomi. Tiada satu pun yang secara langsung memainkan pengaruh politik atau mendakwa mereka bersuara atas nama kumpulan politik. Kebanyakan pertubuhan dan akhbar anak negeri sebaik sahaja diterbitkan akan menegaskan bahawa mereka tidak akan melanggar atau bertindak di luar undang-undang negeri (Roff, 2003, 1994; Rustam, 2011).

Sikap orang Melayu yang lebih gemar berhibur dan berseronok dikatakan menyebabkan orang Melayu tidak menyedari untuk memperjuangkan kedudukan orang Melayu dan ketinggalan dalam berpolitik. Kritikan tersebut dilakukan melalui akhbar antaranya ialah tulisan daripada penulis Indonesia yang menyatakan 75 peratus daripada orang Melayu di Tanah Melayu masih lagi ketinggalan dan ini termasuklah dari aspek berpolitik. Orang Melayu lebih gemar berhibur daripada memikirkan perkara lain yang lebih penting bagi memajukan masyarakat (Zainal Abidin, 1929). Perkara ini jelas dilihat pada persatuan yang ditubuhkan oleh orang Melayu diistilahkan oleh mereka sendiri sebagai “tempat pelajaran dan bersuka-suka”. Sememangnya pada ketika itu, persatuan mempunyai tujuan untuk bersosial bagi masyarakat Melayu bandar terutamanya berkait dengan aktiviti kebudayaan atau olahraga (Roff, 2003).

Golongan pemimpin Melayu dilihat tidak memainkan peranan besar dalam menjaga rakyat sebaliknya mendahulukan kepentingan mereka sendiri. Kajian Roff (1968) menunjukkan bahawa banyak persatuan Melayu awal dipimpin oleh golongan elit yang berhati-hati dan tidak mahu mencabar pemerintah Inggeris secara terbuka. Keadaan ini mencerminkan bagaimana elit memainkan peranan penting dalam menentukan bentuk dan had gerakan nasionalisme Melayu awal. Justeru, ketidakpuasan hati dalam kalangan orang Melayu dengan beraninya dinyatakan di dalam akhbar antaranya ialah Ibrahim Haji Yaakob di dalam *Majlis* pada tahun 1937. Beliau menyebut bahawa wakil Melayu sepatutnya membela orang Melayu dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan (MPP) (Majlis, 18 Jun 1937). Beliau mengkritik sikap sesetengah

wakil Melayu di dalam Majlis yang disebut sebagai ‘duduk diam’ sahaja. Sikap wakil seperti ini tidak memberi faedah kepada orang Melayu. Beliau dengan berani menyatakan,

“...lupa tanggungannya kepada umum hanyalah mengeluarkan fikiran untuk faedah diri sahaja. Saya sebagai seorang Melayu memang berasa malu di atas pekerti wakil-wakil Melayu sebegitu lupa akan nasib orang-orang ramai atau khas pada pemakan-pemakan gaji” (Majlis, 11 Jun 1937).

Keadaan ini berlaku kerana golongan pemimpin Melayu adalah daripada kelas Melayu elit. Golongan ini berpandangan pemerintah Inggeris adalah elemen penguat kepada budaya politik tradisional orang Melayu dan dalam budaya politik Melayu segala urusan berkaitannya adalah urusan golongan Melayu elit. Dalam keadaan ini, sebarang usaha alternatif untuk menyampaikan tuntutan politik yang tegas oleh orang Melayu kelas biasa akan berhadapan dengan tentangan bahawa aktiviti tersebut adalah tidak berguna dan dianggap sebagai menderhaka (Roff, 1968). Sedangkan, orang Melayu yang bukan daripada kalangan atasan masih mempunyai rasa tidak percaya terhadap Inggeris. Kemunduran orang Melayu berlaku kerana menyerahkan kepercayaan dan harapan kepada kerajaan untuk menjaga kepentingan mereka. Menurut golongan ini orang Melayu perlu bangun dan memelihara kedudukan mereka daripada dirampas oleh kaum asing (Warta Malaya, 7 Mac 1938). Teori elit berpandangan bahawa dalam mana-mana masyarakat, kuasa dan kepimpinan sentiasa dikuasai oleh kelompok kecil elit, sama ada elit tradisional atau elit baharu. Vilfredo Pareto (1935) dan Gaetano Mosca (1939) menegaskan bahawa perubahan sosial dan politik sering berlaku melalui peralihan kuasa antara elit lama dan elit baharu, bukannya melalui mobilisasi massa sepenuhnya. Dalam konteks nasionalisme, teori ini menekankan peranan pemimpin terdidik, birokrat dan golongan elit dalam merangka idea, organisasi dan strategi perjuangan. Nasionalisme merupakan gerakan rakyat dan sering dipandu serta dikawal oleh elit tertentu.

Semangat kenegerian menjadi penghalang kepada perkembangan patriotisme Melayu (Turnbull, 1974). Persatuan kenegerian bermula dari Singapura iaitu Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada tahun 1926 (Rustam, 2011; Abd. Aziz & Alias, 2004; Silcock & Ungku Abdul Aziz, 1966). Pergerakan persatuan seperti ini di semenanjung pula bermula pada tahun 1935 iaitu setelah berlakunya satu perjumpaan di rumah persatuan Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Baru, Kuala Lumpur (Roff, 1994). Keprihatinan utama pergerakan penyatuan orang Melayu pada masa itu adalah untuk memelihara sistem politik Melayu tradisional iaitu kuasa politik negeri dipegang oleh raja iaitu pemerintah tempatan. Keadaan ini boleh dilihat kepada kebanyakan organisasi berasaskan negeri ditubuhkan dengan kebanyakan pemimpin direkrut dari kalangan anggota elit pemerintah tradisional (Rustam, 2011). Oleh itu, perkembangan organisasi yang bersifat persatuan politik waktu itu tidak mempunyai tujuan atau matlamat untuk mempengaruhi orang Melayu secara keseluruhannya. Khususnya pengaruh dalam mengubah kedudukan mereka berbanding kaum lain dan menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi yang sedang berlaku.

Perpecahan lain yang wujud di dalam masyarakat Melayu bukan sahaja berkisar tentang perasaan kenegerian di mana orang Melayu terdiri daripada ‘anak-anak negeri’ (seperti Melayu Kelantan, Melayu Perak dan sebagainya), malahan orang Melayu ‘DKA’ (Darah Keturunan Arab) dan ‘DKK’ (Darah Keturunan Keling) juga menubuhkan persatuan berasaskan darah keturunan tersebut (Cheah, 1985). Misalnya pembahagian keahlian dalam persatuan antara orang Melayu dengan orang Arab serta Jawi Peranakan adalah ketara (Roff, 2003). Komuniti

Arab Hadhrami, termasuk golongan *sayyid*, memainkan peranan penting dalam kegiatan sosial-keagamaan, ekonomi dan institusi komuniti di Tanah Melayu sejak abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20. Komuniti ini lebih tertumpu di kawasan bandar utama di Negeri-Negeri Selat (NNS) seperti Singapura dan Pulau Pinang, berbanding di NNMB. Di pusat-pusat bandar ini, keluarga Hadhrami terkemuka seperti Al-Sagoff, Al-Junied dan Al-Kaff telah menubuhkan pelbagai institusi wakaf, madrasah dan yayasan kebajikan yang berperanan dalam pembangunan pendidikan Islam serta penyebaran nilai-nilai sosial masyarakat Melayu-Islam setempat (Latifah, 2022; Abushouk & Ibrahim, 2009). Terdapat persatuan yang ditubuhkan oleh orang Melayu boleh disertai oleh Muslim bukan Melayu tetapi telah dinyatakan di dalam setiap persatuan yang mempunyai peraturan mereka sendiri iaitu Muslim bukan Melayu apabila memasuki pertubuhan Melayu tidak dibolehkan untuk memegang sebarang jawatan atau mengundi (*The Straits Times*, 17 Ogos 1939).

Penubuhan persatuan orang Melayu yang dipengaruhi oleh aliran pendidikan juga berlaku (Jamilah, 1984). Roff (2003) menyatakan bahawa terdapatnya kecenderungan persatuan Melayu ketika itu membahagikan anggotanya mengikut kedudukan atau status ekonomi dan pendidikan. Malahan terdapat tindakan persatuan tertentu yang bersungguh menonjolkan identiti mereka terpisah daripada elemen-elemen yang tidak disukai oleh pemerintah Inggeris. Misalnya Persatuan Melayu Selangor sejak Jun 1938 mulai bergerak dalam bidang politik tetapi sedaya upaya memastikan bahawa persatuan tersebut tidak dilabel sebagai komunis atau Kaum Muda. Mereka tidak berani untuk menunjukkan bantahan yang keras atau menggunakan ayat Quran kerana tidak mahu dikatakan sehaluan dengan golongan berpendidikan agama (Abd. Aziz & Alias, 2004).

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan persatuan Melayu di NNMB sebelum Perang Dunia Kedua merupakan asas penting kepada pembentukan kesedaran politik dan nasionalisme Melayu moden. Penubuhan persatuan seperti Persatuan Melayu Perak (1937) dan Persatuan Melayu Selangor (1938) membuktikan bahawa masyarakat Melayu telah mula bertindak balas terhadap perubahan struktur sosioekonomi dan politik yang diperkenalkan oleh pentadbiran Inggeris. Penubuhan persatuan Melayu dapat difahami sebagai manifestasi organisasi kepada kesedaran kolektif tersebut. Persatuan ini pada peringkat awal bersifat sosial dan kebajikan. Ia berperanan menginstitusikan imaginasi kolektif Melayu dalam bentuk organisasi yang lebih tersusun, namun masih beroperasi dalam batasan undang-undang pemerintah Inggeris.

Faktor utama yang mendorong penubuhan persatuan ini ialah peningkatan jumlah orang Melayu yang menerima pendidikan formal membawa kepada peningkatan orang Melayu yang celik huruf. Hal ini memberi kesan kepada perluasan maklumat daripada akhbar-akhbar yang mengenengahkan isu ketinggalan orang Melayu. Peranan akhbar tidak dapat dinafikan dari segi besar pengaruhnya membuka mata orang Melayu. Isu ketinggalan orang Melayu disebabkan oleh tidak mengikuti ajaran Islam juga diketengahkan oleh penulis-penulis dalam akhbar. Kemelesetan ekonomi telah memberi kesan kepada dasar dan tindakan Inggeris apabila galakan kepada golongan imigran untuk tinggal menetap dan mengusahakan penanaman padi benar-benar menimbulkan kemarahan orang Melayu. Ketika itu juga berlaku persaingan pekerjaan dalam kalangan masyarakat di NNMB. Kesemua ini telah menimbulkan rasa keterancaman dalam kalangan orang Melayu yang kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk mobilisasi sosial melalui wadah persatuan. Walaupun penubuhan persatuan ini pada awalnya bersifat

sosial dan kebajikan, namun ia menjadi platform penting yang menanam benih kesedaran bangsa dan politik dalam kalangan masyarakat Melayu.

Kajian ini juga mendapati bahawa cabaran utama yang dihadapi persatuan Melayu ialah kawalan ketat Inggeris terhadap aktiviti persatuan terutamanya yang mempunyai elemen politik. Sikap segelintir orang Melayu yang tidak begitu mengambil peduli dengan kedudukan mereka dalam masyarakat majmuk juga wujud. Mereka ini ada antaranya yang terdiri daripada golongan pemimpin atau elit Melayu. Kritikan terhadap mereka kerana tidak memainkan peranan yang sepatutnya turut dibincangkan di dalam akhbar-akhbar. Semangat kenegerian dan darah keturunan dilihat menjadi cabaran kepada orang Melayu untuk bersatu. Ditambah dengan perbezaan aliran pendidikan telah memisahkan orang Melayu dari segi penubuhan persatuan dan asas perjuangan, serta perbezaan aliran pendidikan, darah keturunan dan kenegerian dalam kalangan ahli. Namun demikian, gerakan persatuan ini tetap memainkan peranan besar dalam membentuk jaringan awal kepimpinan dan wacana politik Melayu yang akhirnya membawa kepada kelahiran nasionalisme pasca-perang.

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa persatuan Melayu di NNMB tidak wajar dilihat sebagai entiti kecil atau terpinggir, sebaliknya ia merupakan manifestasi awal kesedaran bangsa yang terhasil daripada interaksi antara struktur penjajah dan sosial masyarakat Melayu. Perkembangan persatuan Melayu di NNMB sebelum Perang Dunia Kedua bukan sahaja mencerminkan reaksi terhadap tekanan ekonomi dan sosial, tetapi juga menandakan proses awal pembentukan komuniti politik Melayu yang dibayangkan. Identiti bangsa dibentuk melalui interaksi antara pendidikan, media dan organisasi sosial dalam kerangka kolonial yang terhad. Oleh sebab itu, memahami perkembangan persatuan Melayu pra-Perang Dunia Kedua amat penting untuk menilai akar sebenar kebangkitan nasionalisme dan pembinaan identiti bangsa di Tanah Melayu. Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini memperkayakan historiografi nasionalisme Melayu dengan menonjolkan peranan persatuan Melayu di NNMB sebagai aktor sosial yang aktif. Selain itu, kajian ini mengisi jurang dalam kajian terdahulu yang sering menumpukan nasionalisme Melayu pasca-Perang Dunia Kedua, sedangkan melalui kajian ini menunjukkan bahawa akar kesedaran tersebut telah pun terbentuk lebih awal.

Penghargaan

Penghargaan kepada Universiti Malaya dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah kerana memberi ruang dan peluang menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Abd. Aziz, A., & Alias, M. (2004). *Persatuan Melayu Selangor*. Gateway Publishing House Sdn. Bhd.
- Abushouk, A. I., & Ibrahim, H. A. (Eds.). (2009). *The Hadhrami diaspora in Southeast Asia: Identity maintenance or assimilation?* Brill.
- Ahmad, A. A. (2024). State history: A case of Pahang. *Minden Journal of History and Archaeology*, 4(2), 45–58.
- Arasaratnam, S. (1970). *Indians in Malaysia and Singapore*. Oxford University Press.
- Cheah, B. K. (1985). Evolusi sebuah negara persekutuan Malaysia: Satu perspektif sejarah. *Dlm Masyarakat Malaysia Edisi II: Tinjauan dan perbincangan terhadap beberapa isu dan topik semasa*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Chee Liew Seong. (1971). The Hakka Community in Malaya: With Special Reference to Their Associations, Tesis Sarjana Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chenderamata. (Bil. 19. September 1932). Sel. Sec. 848/1925. Chinese Protectorate Annual Report 1924.
- Daud, L. (1977). *Contradictions in pre-war colonialism, 1930–41. Malaya: The making of a neo-colony*. Spokesman.
- Federal Malaysia States. (1917). *Proceedings of Federal Council*.
- Hussiin, H. (2024). Perjanjian-perjanjian antara British dan Kerajaan Pahang. *International Journal of Heritage, Tourism and Civilisation*, 6(1), 30–47.
- Ishak, S. (2011). *Radikalisme Melayu Perak 1945–1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Jamilah Othman. (1984). Sayyid Shaykh Al-Hadi: His Role in the Transformation of Muslim Societies in Peninsular Malaya and the Straits Settlements during the Latter Half of the Nineteenth and Early Twentieth Centuries. M. A. Thesis, National University of Singapore.
- Kailasan, Ambalakan. (2015). Political Expediencies and the Process of Identity Construction: The Quest for Indian Identity in Malaysia. *Kajian Malaysia*. Vol. 23. No. 1.
- Khoo, K. K. (1991). *Malay society, transformation & democratisation*. Pelanduk Publications.
- Lee, E. (1991). *The British as rulers: Governing multiracial Singapore 1867–1914*. Singapore University Press. Majlis. (11 & 18 Jun 1937).
- Malhi, A. (2021). Race, space, and the Malayan Emergency: Expelling Malay–Muslim ‘communism’ and reconstituting Malaya’s racial state, 1945–1954. *Itinerario*, 45(3), 435–459. <https://doi.org/10.1017/S0165115321000279>
- Mohammad Redzuan Othman. (2008, November 27). Era Islam. Seminar Sejarah Nasional Malaysia. Universiti Malaya.
- Mohd. Kornain, H. (1980). Soal kaum imigran dalam akhbar Melayu (1930-an). Dlm *Lembaran akhbar Melayu*. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Parsons, T. (1960). *Structure and process in modern societies*. The Free Press.
- Phillips, B. S. (1969). *Sociology: Social structure and change*. Collier-Macmillan Limited.
- Radin, S. (1960). Malay nationalism 1896–1941. *Journal of Southeast Asian History*, 1, 1–28.
- Roff, W. R. (1968). The Persatuan Melayu Selangor. *Journal of Southeast Asian History*, 9(1), 117–146.
- Roff, W. R. (1994). *The origins of Malay nationalism*. Oxford University Press.
- Roff, W. R. (2003). *Nasionalisme Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam, A. S. (2011). *Asal usul sosial golongan kiri Melayu: Satu analisis berkenaan Kesatuan Melayu Muda*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Selangor. Secretariat (Sel. Sec.) 848/1925. *Chinese Protectorate Annual Report 1924*. Arkib Negara Malaysia
- Silcock, T. H., & Ungku Abdul Aziz. (1966). Asian nationalism and the West. Dlm *Malaysia: Selected historical readings* (ms. xx-xx). Oxford University Press.
- SP. 2006/0042190. (1 September 1929). Tan Sri Zainal Abidin bin Ahmad, Majalah Guru, Bil. 9.
- Strati, A. (2000). *Theory and method in organization studies: Paradigms and choices*. SAGE Publications.
- Subramaniam, M. (2014). *Agama Hindu dan pembentukan identiti India Malaysia: Kajian mengenai pertubuhan-pertubuhan Agama Hindu di Malaysia*. (Unpublished PhD thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur. *The Straits Times*. (17 Ogos 1939).

- Thock, K. P. (2007). *Ketuanan politik Melayu: Pandangan kaum Cina*. Penerbit Universiti Malaya.
- Turnbull, C. M. (1974). British planning for post-war Malaya. *Journal of Southeast Asian Studies*, 5(2), 239-254.
- Wang, G. (2001). *Only Connect: Sino-Malay encounters*. Times Academic Press. Warta Malaya. (5 & 7 Mac 1938).
- Wong, S. W. (2023). Ethnonationalism and ideology in Malaysian history textbooks: The Japanese Occupation and the shaping of national identity. *Journal of Educational Media, Memory, and Society*, 15 (2), 45–61.